



PESERTA: Para peserta program merakamkan gambar.

30
Leading Towards
Innovative Solutions
Universiti Malaysia Sabah
30th Anniversary Kemerdekaan

UMS, MDEC perkukuh kerjasama keusahawanan digital pelajar

UB 14.11.2024 P.04

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) sekali lagi memperkuatkan kerjasama dalam mengembangkan keusahawanan digital melalui pengajuran Program Kembara eUsahawan 2024: Zon Borneo yang berlangsung di UMS baru-baru ini.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr. Kasim Mansor berkata, hubungan yang erat antara MDEC dan UMS bermula sejak 2018, apabila MDEC memberi peluang kepada pensyarah UMS untuk menjalani latihan dalam bidang keusahawanan digital.

"Hasil latihan ini diintegrasikan ke dalam kurikulum akademik UMS bagi mencipta asas yang kukuh dalam mendidik pelajar UMS mengenai keusahawanan digital.

"Usaha ini membawa hasil yang amat membanggakan apabila seramai 16,616 pelajar UMS dilatih dalam program eUsahawan dan berjaya mencatatkan jualan lebih daripada RM5.9 juta, dan pada tahun lalu sahaja, pelajar kita mencatat jualan lebih daripada RM664,000.

"Ini adalah satu pencapaian besar bagi UMS, mencerminkan usaha gigih dan dedikasi semua pihak yang terlibat," katanya.

Beliau berkata demikian



RASMI: Raman menyempurnakan perasmian program Kembara eUsahawan 2024.

ketika berucap merasmikan program itu di sini. Teks ucapannya yang dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMS, Prof. Madya Dr. Raman Noordin.

Kasim berkata, hasil kerjasama itu juga, MDEC melatih 53 pensyarah UMS, terutama dengan menjadikan pensyarah-pensyarah ini sebagai jurulatih modul eUsahawan Siswa yang berkualiti dan terus membimbing pelajar ke arah kejayaan keusahawanan digital.

Kerjasama ini terus melangkah ke hadapan, dengan UMS kini sedang dalam proses untuk diiktiraf sebagai eUsahawan Hab.

"Pengiktirafan ini diharap akan membuka jalan bagi UMS untuk menjadi pusat

sokongan agenda digitalisasi ekonomi negara dalam kawangan komuniti tempatan, khususnya dalam membantu usahawan kecil dan sederhana mengembangkan perniagaan mereka di platform digital.

"eUsahawan Hab akan menjadi hab menyediakan kemahiran keusahawanan digital yang dinamik dengan pelbagai bimbingan dan latihan yang akan menguntungkan komuniti setempat serta memberi impak besar kepada UMS khasnya," katanya.

Hadir sama pada majlis tersebut Naib Presiden Bahagian Pemerkasaan Industri Digital MDEC, Wan Murdani Wan Mohamad dan Pengarah Pusat Pembangunan Kerjaya dan Keusahawanan UMS, Prof. Madya Dr. Sidah Idris.